

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : ANCAMAN DENGGI DI SELANGOR

61. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan 5 faktor utama Selangor menjadi negeri yang mempunyai denggi tertinggi.
- b) Sila nyatakan usaha diambil oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk menghapuskan denggi.
- c) Sila nyatakan 3 DUN yang mempunyai kes denggi yang terendah di Daerah Hulu Langat.

JAWAPAN:

- a) Antara faktor utama negeri Selangor mempunyai kes denggi yang tinggi adalah disebabkan perkara berikut :
 1. Kepadatan pembangunan menjadikan banyak tapak pembinaan baru diwujudkan dan ianya berpotensi menjadi tempat pembiakan aedes.
 2. Kepadatan penduduk menyumbang terhadap kes demam denggi yang tinggi terutama di kawasan perumahan bertingkat.
 3. Kebanjiran warga asing menyumbang kepada peningkatan kes denggi. Ini disebabkan sikap tidak menjaga kebersihan dan tidak memberi kerjasama memburukkan keadaan.
 4. Sikap dan tingkah laku masyarakat setempat juga adalah menyumbang kepada kes denggi. Sikap sambil lewa dalam memastikan kawasan persekitaran adalah bebas dari takungan sama ada di dalam atau di luar rumah sukar dikikis.
 5. Premis terbiar atau kosong menjadi punca pembiakan Denggi di sesuatu lokaliti wabak. Premis kosong ini dijadikan tempat pembuangan sampah oleh penduduk yang tidak bertanggungjawab.
- b) Pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak Kerajaan Negeri bagi mengawal dan mencegah kes demam denggi dan kes kematian denggi di negeri Selangor. Pada tahun 2017, Kerajaan Negeri memperuntukan sebanyak **RM5,000,000.00** untuk menampung perbelanjaan aktiviti kawalan dan pencegahan ini. Hanya negeri Selangor memperuntukkan

sejumlah wang yang besar untuk menangani denggi berbanding negeri lain di Malaysia. Sebahagian besar peruntukan ini adalah bagi melantik **Pest Controller Operator (PCO)** bagi membantu kawalan di peringkat PBT iaitu **RM2.6 juta**. Selain itu, **RM1.2 juta** disalurkan kepada **Pihak Berkuasa Tempatan** bagi pembelian racun serta peralatan dan keperluan dalam melaksanakan aktiviti kawalan dan pencegahan. Sebanyak **RM560,000.00** disalurkan kepada **Ahli Dewan Negeri** untuk membantu melaksanakan program pencegahan denggi seperti gotong-royong di kawasan masing-masing. **Mesyuarat Tindakan Denggi Daerah** telah diperuntukan sebanyak **RM350,000.00** mengikut daerah bagi menangani isu berbangkit berkaitan yang boleh menyebabkan pembiakan denggi.

Kes demam Denggi Negeri Selangor dipantau secara konsisten melalui 2 Mesyuarat Tindakan Denggi iaitu:

1. **Mesyuarat Tindakan Denggi Negeri Selangor** yang diadakan setiap 2 minggu bagi membincangkan dan merangka dasar serta melaksanakan program-program kawalan dan pencegahan denggi. Mesyuarat ini dihadiri oleh wakil Jabatan di peringkat Negeri; dan
2. **Mesyuarat Tindakan Denggi Daerah** yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah atau wakilnya diadakan setiap minggu bagi membincangkan permasalahan di lokaiti wabak terutama hotspot . Mesyuarat ini akan memutuskan tindakan serta merta di peringkat daerah bagi permasalahan denggi. Mesyuarat ini dihadiri wakil Jabatan di peringkat daerah termasuk Ahli Dewan Negeri, Ahli Majlis dan pihak terlibat langsung dengan isu dibincangkan.

Dalam masa yang sama, pelbagai usaha yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri pada tahun ini termasuklah :

1. Pelantikan semua **Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan** menjadi **Pengerusi Denggi Mengikut zon**. Ahli Majlis adalah sebagai perantara di antara YB ADN kawasan dengan pimpinan masyarakat setempat serta agensi-agensinya pelaksana bagi merancang dan melaksanakan program menghapuskan denggi. Pelantikan ini dapat membantu kawalan dan pencegahan denggi yang boleh dilaksanakan oleh semua pihak secara bersama bagi mengurangkan penularan kawasan wabak di kawasan masing-masing.
2. Pelaksanaan **OPS Bersepadu Denggi**. OPS yang pertama kali diadakan di Daerah Hulu Langat ini mengumpulkan semua PBT bagi membantu pihak MPKJ dan MPAJ dalam melaksanakan tindakan

kawalan dan pencegahan di daerah Hulu Langat pada hujung minggu memandangkan berlaku peningkatan kes yang mendadak. Hasil daripada pelaksanaan Ops Bersepadu Denggi selama 2 bulan, kes demam denggi di daerah Hulu Langat menurun dengan signifikan dan sekali gus menunjukkan kejayaan pelaksanaan OPS tersebut.

3. Pelancaran **Program Semburan Aerosol Selangor** untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tentang pentingnya penggunaan aerosol di dalam rumah supaya ahli keluarga dapat dilindungi daripada nyamuk Aedes. Program SAS yang dilancarkan pada 26 Februari 2017 telah menunjukkan pengurangan sebanyak 9 lokaliti hotspot di seluruh negeri selepas 1 bulan pelaksanaannya. Ini menunjukkan keberkesanan program yang dijalankan amatlah memberangsangkan. Selain itu, program SAS ini turut dipanjangkan kepada semua pengusaha **pengangkutan awam di Selangor** termasuk pengusaha bas Smart Selangor, bas persiaran, bas sekolah, bas pekerja, bas berhenti-henti serta pemandu teksi untuk tujuan perlindungan yang lebih menyeluruh.
4. **Penyusunan dan pembahagian lokaliti wabak** di Negeri Selangor telah dilaksanakan di peringkat Mesyuarat Tindakan Denggi Daerah masing-masing. Memandangkan terdapat sesetengah lokaliti mempunyai keluasan yang agak besar untuk aktiviti kawalan dan pencegahan. Penyusunan dan pembahagian semula ini bagi memudahkan tindakan lanjut di peringkat PBT dan PKD untuk lebih fokus kawasan wabak yang terlibat.
5. Program **Nyamuk Wolbachia oleh Institute of Medical Research (IMR)** telah dilaksanakan bermula Mac dan Mei 2017 di AU2, Taman Keramat dan Blok D, Seksyen 7, Shah Alam. Program ini di luaskan kepada lokaliti hotspot yang lain di daerah Petaling iaitu di Seksyen 7 Pusat Komerisal, Shah Alam dan Mentari Court, Petaling Jaya. Laporan keberkesanan pelaksanaan program ini masih belum dibentangkan oleh pihak IMR memandangkan ianya memerlukan tempoh masa yang panjang untuk pemantauan secara menyeluruh.
6. Melaksanakan **Program Terjah Denggi di Kwarters Milik Kerajaan**. Kerajaan Negeri amat memandangkan serius bagi kes Denggi yang berlaku di kuarters Kerajaan kerana melibatkan penjawat awam di Selangor. Lanjutan itu, Kerajaan Negeri telah mengarahkan PBT dan PKD untuk membuat kawalan serta merta apabila menjadi hotspot.
7. Pelaksanaan **Pendekatan Ekosistem Kawalan dan Pencegahan Denggi**. Pendekatan Ekosistem telah dilaksanakan di beberapa

daerah yang mencatatkan kes demam denggi yang tinggi. Setiap PBT dan PKD dibahagikan kepada ekosistem mengikut kawasan ADN, Zon atau Seksyen. Aktiviti pencegahan dan kawalan denggi hendaklah fokus dan akan berubah mengikut kesesuaian geografi kawasan atau tempat.

8. Pemantauan **Sistem Pengumpulan Dan Penggunaan Semula Air Hujan (SPAH) di kawasan wabak Denggi.** Terdapat penemuan berkaitan kegagalan rekabentuk SPAH oleh perunding, kegagalan pemilik untuk menyelenggara dan kurangnya kesedaran awam berkaitan SPAH sehingga menyebabkan berlaku pembiakan aedes di kawasan tersebut. Kerajaan Negeri telah mengarahkan untuk pihak KPKT melihat semula kriteria pelaksanaan. Pada masa yang sama, PBT negeri Selangor diminta memantau perkara ini bagi mengelakkan peningkatan kes yang mendadak.
 9. Menggalakkan **penglibatan semua rumah ibadat Islam dan selain Islam** untuk mengadakan gotong-royong di kawasan masing-masing bagi menjaga dan memastikan premis adalah bebas aedes.
 10. Penyediaan **Blueprint Denggi Negeri Selangor** yang mempunyai 3 matlamat utama melalui pelaksanaan 4 Program khas dan dikuatkuasakan oleh 4 garis panduan akan dilancarkan pada tahun 2018. Blueprint ini adalah gerak kerja yang dirancang bagi memastikan kes denggi di Selangor berada di tahap terkawal.
- c) Kes demam denggi dan kes kematian di daerah Hulu Langat didaftarkan mengikut kawasan mukim. Jumlah kes demam denggi dan kes kematian sehingga 22 Oktober 2017 bagi daerah Hulu Langat mengikut mukim adalah seperti berikut :

BIL	MUKIM	KES TERKUMPUL	KES KEMATIAN
1.	Kajang	5,375	7
2.	Ampang	2,963	12
3.	Cheras	2,478	6
4.	Hulu Langat	420	3
5.	Semenyih	804	0
6.	Beranang	209	0
JUMLAH		12,249	28

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

TAJUK : PEMBANGUNAN JALAN LUAR BANDAR DAERAH KLANG

62. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah peruntukan dan baki peruntukan MARRIS jalan Luar Bandar daerah Klang bagi tahun 2017?
- b) Berapakah bilangan dan panjang meter jalan atas lot persendirian telah didaftar MARRIS? Senaraikan.
- c) Apakah telah ada garis panduan MARRIS bagi jalan atas lot persendirian?

JAWAPAN:

- a) Peruntukan MARRIS jalan luar bandar Pejabat Daerah Tanah Klang bagi tahun 2017 adalah **RM 1,373,247.11**. Sehingga 15 Oktober 2017, sejumlah 96.63 peratus iaitu **RM 1,327,001.24** telah dibelanjakan dengan baki peruntukan berjumlah **RM 46,235.87**.

BIL.	TAJUK	DUN	KOS PROJEK (RM)
1	Kerja-kerja Menurap Semula Jalan, Bahu Jalan Serta Menyelenggara dan Mengorek Longkang Tanah di Lorong Zainal Abidin, Kg. Perigi Nenas, Pulau Indah	Pelabuhan Klang	RM111,335.40
2	Kerja-kerja Menurap Semula Jalan di Lorong Tali Air 2, Kg. Telok Gong, Pelabuhan Klang	Pelabuhan Klang	RM 31,381.83
3	Kerja-kerja Menurap Semula Jalan Sopan Dan Jalan Pemurah di Kg. Johan Setia, Klang	Sri Muda	RM 222,013.39
4	Kerja-kerja Membaiki dan Menurap Semula Jalan Perepat Indah di Kg. Perepat, Klang	Sementa	RM 175,991.72
5	Kerja-kerja Membaiki Kerosakan Jalan dan Menurap Semula Jalan Kunci Air di Kg. Perepat, Klang	Sementa	RM 238,160.80

BIL.	TAJUK	DUN	KOS PROJEK (RM)
6	Kerja-kerja Membaiki Kerosakan Jalan dan Menurap Semula Jalan Kunci Air Kg. Kapar, Klang	Sementa	RM 40,358.92
7	Kerja-kerja Membaiki Kerosakan Jalan dan Menurap Semula Jalan Perepat 15 di Kg. Perepat, Klang	Sementa	RM 155,234.00
8	Kerja-kerja Membaik Pulih dan Menurap Semula Jalan Penghulu Kg. Meru, Klang	Meru	RM 25,673.69
9	Kerja-kerja Membaik Pulih Dan Menurap Semula Jalan Di Jalan Karuppiah, Kampung Padang Jawa, Klang	Batu 3	RM 65,865.43
10	Kerja-kerja Membaik Pulih Dan Menurap Semula Jalan Di Jalan Padang Dan Jalan Padang 1, Kampung Padang Jawa, Klang	Batu 3	RM 116,023.11
11	Kerja-kerja Membaiki Kerosakan Jalan Dan Menurap Semula Jalan Di Jalan Perepat Hilir Dan Sebahagian Jalan Perepat 6 Kg. Perepat, Klang	Sementa	RM 76,288.20
12	Kerja-kerja Membaik Pulih Lapisan Asas Jalan (Base - Crusher Run) Jalan Balai Penghulu Mukim Jalan Kebun Di Kampung Johan Setia, Klang	Sri Muda	RM 68,674.75
JUMLAH			RM 1,327,001.24

- b) Bilangan dan panjang meter jalan atas lot persendirian yang telah didaftarkan di bawah MARRIS adalah sebanyak 49 batang jalan iaitu sepanjang 15.534 km. Senarai jalan-jalan tersebut adalah seperti berikut:

BIL.	NAMA JALAN	DUN	PANJANG JALAN (KM)
1	LORONG TALI AIR 1 , KG TELOK GONG	PELABUHAN KLANG	0.134

BIL.	NAMA JALAN	DUN	PANJANG JALAN (KM)
2	LORONG TALI AIR 3 , KG TELOK GONG	PELABUHAN KLANG	0.305
3	LORONG HAJI MOHD SAAD (LOT 503) , KG TELOK GADONG	PELABUHAN KLANG	0.563
4	LORONG ABD GHANI (LOT 534) , KG TELOK GADONG	SELAT KLANG	0.233
5	LORONG RABEAH (LOT 3835) , KG TELOK GADONG	SELAT KLANG	0.255
6	LORONG SEKOLAH AL FARABI (LOT 2246) , KG DELEK	SELAT KLANG	0.298
7	LORONG SAYYIDA ZAINAB (LOT 3516) , KG DELEK	SELAT KLANG	0.300
8	LORONG HAJI JAJULI (LOT 3528) , KG DELEK	SELAT KLANG	0.324
9	LORONG BALAIRAYA (LOT 3070 & 8299) , KG DELEK	SELAT KLANG	0.509
10	LORONG HAJI JONED (LOT 23174 & 23175) , KG DELEK	SELAT KLANG	0.300
11	LORONG SARIDIN (LOT 2241) , KG DELEK	SELAT KLANG	0.500
12	LORONG MASJID NURUL AMIN (LOT 3085) , KG DELEK	SELAT KLANG	0.367
13	LORONG MASJID SG SERDANG	SEMENTA	0.500
14	LORONG PONIRAN SG SERDANG	SEMENTA	0.195

BIL.	NAMA JALAN	DUN	PANJANG JALAN(KM)
15	LORONG WAK SOLDI SG SERDANG	SEMENTA	0.200
16	LORONG BAKAR SG SERDANG(PT59999)	SEMENTA	0.085
17	LORONG LOT 5696 KG SG SERDANG	SEMENTA	0.246
18	LORONG ZAINAL KG SG SERDANG	SEMENTA	0.080
19	LORONG LOT 107 KG SG SERDANG	SEMENTA	0.085
20	LORONG YAACOB KG SG SERDANG	SEMENTA	0.110
21	LORONG TASMIN KG TOK MUDA	SEMENTA	0.430
22	LORONG BUNGA RAYA KG TOK MUDA	SEMENTA	0.315
23	LORONG PENGHULU KG KAPAR	SEMENTA	0.100
24	LORONG MASJID KG SEMENTA	SEMENTA	0.190
25	LORONG HARUN HJ TAHIR KG SEMENTA	SEMENTA	0.630
26	LORONG WAHIDON KG SEMENTA	SEMENTA	0.300

BIL.	NAMA JALAN	DUN	PANJANG JALAN(KM)
27	LORONG LOT 131 KG SG PINANG	SG. PINANG	0.200
28	LORONG LOT 1060 JALAN IMAM RASID SG PINANG	SG. PINANG	0.206
29	LORONG LOT 6292 JALAN MOHD SIDIN SG PINANG	SG. PINANG	0.180
30	LORONG LOT 1052 JALAN TANJUNG SYAWAL SG PINANG	SG. PINANG	0.203
31	LORONG DALILAH KG BUKIT KAPAR	MERU	0.224
32	LORONG CIKU KG BUKIT KAPAR	MERU	1.100
33	LORONG SRA KG BUKIT KAPAR	MERU	0.170
34	LORONG GELANGGANG FUTSAL KG BUKIT KAPAR	MERU	0.540
35	LORONG HAJI MOHD AMIN KG BATU 4	SEMENTA	0.730
36	LORONG HJ SAID KG BATU 4	SEMENTA	0.518
37	LORONG HJH HAMIDAH KG BATU 4	SEMENTA	0.390
38	LORONG WAK TUGIMAN KG RANTAU PANJANG	SG. PINANG	0.240
39	LORONG LOT 55514 JALAN KUBUR RANTAU PANJANG	SG. PINANG	0.104

BIL.	NAMA JALAN	DUN	PANJANG JALAN(KM)
40	LORONG KAMARI, KG BUKIT NAGA	SRI MUDA	0.211
41	LORONG HARUN HJ TAHIR, KG SEMENTA	SEMENTA	0.630
42	LORONG SRA KG BUKIT KAPAR	MERU	0.160
43	LORONG AMAN 1	SEMENTA	0.577
44	LORONG WAK SOLDI, KG SG SERDANG	SEMENTA	0.190
45	LORONG MANAF PAMAR, KG JALAN KEBUN	SRI MUDA	0.214
46	LORONG MUSLIMIN, KG JALAN KEBUN	SRI MUDA	0.219
47	LORONG HAJI SENIN, KG JALAN KEBUN	SRI MUDA	0.220
48	LORONG HAJI RUSLAN,, KG JALAN KEBUN	SRI MUDA	0.422
49	LORONG HJ ABD AZIZ, KG DELEK	SELAT KLANG	0.332
JUMLAH			15.534

- c) Ya, telah ada garis panduan MARRIS bagi jalan atas lot persendirian iaitu Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyelenggaraan Jalan Negeri yang diguna pakai mulai 31 Julai 2013.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM
(N49 SERI ANDALAS)**

TAJUK : MENAIK TARAF LONGKANG TAMAN

63. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah peruntukkan MARRIS yang telah dibelanjakan untuk menaik taraf longkang-longkang taman dari tahun 2013 di dalam kawasan DUN Seri Andalas?
- b) Berapakah panjang longkang dalam ukuran meter yang telah dinaiktaraf dari tahun 2013 di dalam kawasan DUN Seri Andalas?

JAWAPAN:

- a) Peruntukan MARRIS yang telah dibelanjakan untuk menaik taraf longkang-longkang taman dari tahun 2013 di kawasan N49 DUN Seri Andalas adalah sebanyak RM224,720.00.
- b) Panjang longkang yang telah dinaiktaraf adalah anggaran 2290km/2.29km.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(N12 JERAM)**

TAJUK : BANTUAN *BLUEPRINT* PEMBASMIAN KEMISKINAN

64. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah terkini penerima bantuan tersebut mengikut DUN?
- b) Nyatakan jumlah penerima bantuan yang gagal mencapai tahap yang ditetapkan Kerajaan Negeri?

JAWAPAN:

- a) Sepertimana semua sedia maklum, Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan merupakan salah satu daripada usaha Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Kemiskinan untuk meningkatkan taraf ekonomi melalui penajaan/ peningkatan pendapatan bagi golongan masyarakat/ individu yang berpendapatan di bawah RM1,500.00 sebulan atau pendapatan seisi rumah di bawah RM3,000.00 terutamanya melibatkan peniaga-peniaga kecil menerusi pemberian bantuan peralatan/ mesin berdasarkan perusahaan yang sedang dijalankan.

Ketika ini, Kerajaan Negeri hanya mempunyai rekod dan statistik penerima manfaat mengikut daerah dan bukannya mengikut DUN. Sehingga Oktober 2017, sejumlah 3,372 orang telah menerima manfaat daripada program ini sejak ianya mula dilaksanakan pada tahun 2008. Jumlah penerima manfaat mengikut daerah adalah seperti berikut :-

BIL.	DAERAH	JUMLAH PENERIMA MANFAAT (ORANG)
1.	Petaling	182
2.	Klang	482
3.	Gombak	232
4.	Hulu Langat	125
5.	Kuala Langat	692
6.	Selangor	256
7.	Hulu Selangor	499

BIL.	DAERAH	JUMLAH PENERIMA MANFAAT (ORANG)
8.	Kuala Selangor	341
9.	Sabak Bernam	563
JUMLAH KESELURUHAN		3,372 orang

- b) Dalam memantau serta mengenal pasti impak dan keberkesanan terhadap pelaksanaan program ini, satu Kaji Selidik/ Kajian Impak yang melibatkan penerima manfaat bagi tahun 2010 hingga tahun 2014 telah dijalankan oleh Pejabat Daerah/ Tanah. Hasil kajian impak tersebut mendapati bahawa sebanyak 92.8% penerima manfaat telah berjaya meningkatkan pendapatan mereka. Manakala hanya sebanyak 0.3% penerima manfaat pula didapati pendapatan mereka semakin menurun dan sebanyak 6.9% penerima manfaat pula tiada perubahan terhadap pendapatan mereka. Kaji selidik/ kajian impak lanjut terhadap penerima manfaat bagi tahun 2015 dan 2016 kini sedang giat dijalankan oleh Pejabat Daerah/ Tanah.

Oleh yang demikian, ini dapat merumuskan bahawa hanya sebanyak 7.2% penerima manfaat telah gagal untuk mencapai objektif dan matlamat utama yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri dalam usaha meningkatkan pendapatan dan taraf ekonomi keluarga. Namun begitu, peratusan ini dilihat sangat rendah jika dibandingkan dengan dengan kesan positif terhadap keseluruhan pelaksanaan program ini, yang mana sebanyak 92.8% penerima manfaat telah mencapai matlamat sebenar program. Antara faktor-faktor yang menyebabkan 7.2% penerima manfaat gagal meningkatkan pendapatan dan taraf ekonomi keluarga adalah seperti penerima manfaat/ ahli keluarga sakit kronik, berpindah, daya usaha serta isu-isu lain luar jangka.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN
(N56 SUNGAI PELEK)**

**TAJUK : MERUJUK SESI DEWAN YANG LEPAS, PIHAK PPAS TELAH
BERJANJI UNTUK MENGANGKAT SEMULA KERJA KE MTES
BAGI MEMOHON MEMBINA PERPUSTAKAAN DI TAPAK ASAL
DI BANDAR BARU SALAK TINGGI**

65. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah peruntukan mencukupi telah disediakan sebanyak RM36 juta?
- b) Jika ia, bilakah projek ini akan dimulakan? Dan sebaliknya, mengapakah projek ini tidak mendapat perhatian yang serius daripada Kerajaan Negeri?
- c) Apakah inisiatif lain yang sesuai untuk memastikan Daerah Sepang mempunyai perpustakaan sendiri?

JAWAPAN:

a), b) dan c)

RINGKASAN JAWAPAN:

Pihak Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor sedang menyemak semula keperluan kos bagi membina baru Perpustakaan Daerah Sepang di atas tanah yang berkeluasan 7 ekar sebagaimana yang telah diperuntukan.

Semakan semula kos perlu dilakukan kerana peruntukan asal berjumlah RM 6 juta di dalam RMKe 11 adalah tidak mencukupi.

Sehubungan itu, sebagai satu usaha perbelanjaan berhemah dan meminimumkan kos, pihak PPAS dan arkitek sedang membuat semakan semula dan memperhalusi dari aspek reka bentuk dalaman, ruang pengguna, ruang pejabat, infra dan keperluan lain dengan menstruktur semula keluasan **dari 60,000 kaki/ persegi kepada 40,000 kaki/persegi.**

Sebagai inisiatif, masyarakat boleh mengunjungi tujuh (7) perpustakaan sedia ada iaitu :

1. Perpustakaan Pekan Sungai Pelek
2. Perpustakaan Desa Kg. Sg. Merab

3. Perpustakaan Desa Jenderam Hilir
4. Perpustakaan Desa Bukit Bangkong
5. Perpustakaan Desa Bagan Lalang.
6. Perpustakaan Desa Kg. Dato' Ahmad Razali
7. Perpustakaan Desa Hulu Chuchoh

Selain itu juga; **#SmartSelangor Mobile Library – Selangor B.E.S.T** (*Bring Excellence Into Society*) juga mengadakan perkhidmatan di Daerah Sepang iaitu ke Sekolah Rendah Bandar Baru Salak Tinggi, Sekolah Kota Warisan, Sekolah Kebangsaan Sg Pelek, Kampung Pulau Meranti, Bandar Baru Salak Tinggi Zon Selatan serta juga memenuhi jemputan program dan aktiviti contohnya Pesta Pantai Bagan Lalang dari 9 hingga 10 September 2017 anjuran Majlis Perbandaran Sepang dengan kerjasama Tourism Selangor.

JAWAPAN TERPERINCI

PERINCIAN STATUS & MAKLUMAT TAMBAHAN PERPUSTAKAAN DAERAH SEPANG

- 1.0 Status projek pembinaan Perpustakaan Daerah Sepang memerlukan semakan semula disebabkan 4 lot kedai berkeluasan 25,696 kaki persegi yang dicadangkan tidak bersesuaian sebagaimana Laporan Teknikal JKR ketika lawatan tapak pada 9 September 2016. Di antara isu yang dibangkitkan ialah:
 - Bebanan dan reka bentuk tidak bersesuaian untuk tujuan perpustakaan
 - Tiada ruang untuk *sub station* TNB dan memerlukan kerja pecah bagi pemasangan kabel elektrik, ICT dan telefon
 - Ketiadaan ruang yang bersesuaian bagi keperluan bomba seperti *hose reel* dan pam air
 - Aras siling yang terhad menyebabkan pencahayaan lampu yang kurang optimum dan kipas siling tidak boleh dipasang.
- 2.0 Rancangan pembinaan Perpustakaan Daerah Sepang merupakan projek bina baru di tapak yang telah diberi milikan oleh Pejabat Tanah & Daerah Sepang PT:4136 dan H.S.(D): 42193, Mukim Dengkel Daerah Sepang yang berkeluasan 7 ekar.

3.0 Lokasi kawasan ini amat strategik dan dikelilingi bangunan mahkamah, sekolah menengah, pangsapuri, perumahan dan rumah kedai.

4.0 Selain permintaan bagi mewujudkan perpustakaan yang amat tinggi, Daerah Sepang juga telah menunjukkan pembangunan yang pesat dengan keluasan 61,900 hektar, jumlah penduduk menghampiri 500,000 orang, pelbagai Institut Pengajian Tinggi Awam dan Institut Pengajian Tinggi Swasta dan lebih 50 sekolah rendah dan menengah memerlukan sebuah perpustakaan yang lebih selesa dan sempurna kepada masyarakat.

5.0 Berikut adalah urutan kes pewujudan Perpustakaan Daerah Sepang:-

Bil.	Perkara	Catatan																		
1.	Tapak Perpustakaan Daerah Sepang	Pejabat Tanah & Daerah Sepang telah meluluskan pemberimilikan tanah PT:4136 dan H.S.(D): 42193, Mukim Dengkel Daerah Sepang yang berkeluasan 7 ekar untuk tujuan pembinaan Perpustakaan Daerah Sepang.																		
2.	RMKe11 (2016-2020)	PPAS telah mengemukakan kertas kerja bagi pembinaan Perpustakaan Daerah Sepang dengan kos RM 36 juta.																		
3.	Peruntukan Pembangunan 2016	PPAS telah diperuntukan RM 6 juta bagi Perpustakaan Daerah Sepang dengan cadangan pembelian lot-lot kedai di Bandar Baru Salak Tinggi																		
4.	Lot Kedai Bandar Baru Salak Tinggi	<p>Dengan peruntukan yang diterima berjumlah RM 3.5 juta bagi tahun 2016. PPAS telah membuat tindakan bagi pembelian lot-lot kedai sebagaimana berikut:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Lot</th> <th>Area</th> <th>Total</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>19</td> <td>- 1,474 sq.ft (ground floor) - 1,650 sq.ft/floor (1st, 2nd, & 3rd floor)</td> <td>6,424 sq.ft/lot</td> </tr> <tr> <td>21</td> <td>- 1,474 sq.ft (ground floor) - 1,650 sq.ft/floor (1st, 2nd, & 3rd floor)</td> <td>6,424 sq.ft/lot</td> </tr> <tr> <td>23</td> <td>- 1,474 sq.ft (ground floor) - 1,650 sq.ft/floor (1st, 2nd, & 3rd floor)</td> <td>6,424 sq.ft/lot</td> </tr> <tr> <td>25</td> <td>- 1,474 sq.ft (ground floor) - 1,650 sq.ft/floor (1st, 2nd, & 3rd floor)</td> <td>6,424 sq.ft/lot</td> </tr> <tr> <td colspan="2" style="text-align: center;">Jumlah</td> <td>25,696 sq.ft</td> </tr> </tbody> </table>	Lot	Area	Total	19	- 1,474 sq.ft (ground floor) - 1,650 sq.ft/floor (1 st , 2 nd , & 3 rd floor)	6,424 sq.ft/lot	21	- 1,474 sq.ft (ground floor) - 1,650 sq.ft/floor (1 st , 2 nd , & 3 rd floor)	6,424 sq.ft/lot	23	- 1,474 sq.ft (ground floor) - 1,650 sq.ft/floor (1 st , 2 nd , & 3 rd floor)	6,424 sq.ft/lot	25	- 1,474 sq.ft (ground floor) - 1,650 sq.ft/floor (1 st , 2 nd , & 3 rd floor)	6,424 sq.ft/lot	Jumlah		25,696 sq.ft
Lot	Area	Total																		
19	- 1,474 sq.ft (ground floor) - 1,650 sq.ft/floor (1 st , 2 nd , & 3 rd floor)	6,424 sq.ft/lot																		
21	- 1,474 sq.ft (ground floor) - 1,650 sq.ft/floor (1 st , 2 nd , & 3 rd floor)	6,424 sq.ft/lot																		
23	- 1,474 sq.ft (ground floor) - 1,650 sq.ft/floor (1 st , 2 nd , & 3 rd floor)	6,424 sq.ft/lot																		
25	- 1,474 sq.ft (ground floor) - 1,650 sq.ft/floor (1 st , 2 nd , & 3 rd floor)	6,424 sq.ft/lot																		
Jumlah		25,696 sq.ft																		

5.	Status pembelian lot kedai	Dokumen perjanjian pembelian (<i>sale & purchase agreement</i>) diantara PPAS dan PNSB pada peringkat akhir dan sedia dimuktamadkan untuk ditandatangani bagi pembelian lot-lot kedai iaitu 4 lot rumah kedai 4 tingkat di Jalan 4, Medan 120, Bandar Baru Salak Tinggi Sepang dengan harga hampir RM 3 juta.										
6.	Lawatan tapak	PPAS,UPEN dan JKR telah membuat lawatan tapak pada 9 September 2016 melibatkan aspek-aspek seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> ➢ JKR Sepang – kerja-kerja struktur ➢ JKR Selangor – kerja-kerja elektrik & mekanikal 										
7.	Ulasan Teknikal JKR	Ringkasan ulasan JKR adalah seperti berikut: <table border="1" data-bbox="705 792 1378 1169"> <thead> <tr> <th data-bbox="705 792 903 824">Agensi</th> <th data-bbox="903 792 1378 824">Ulasan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="705 824 903 958">JKR Sepang (teknikal)</td> <td data-bbox="903 824 1378 958">➢ Bangunan sedia ada berbentuk rumah kedai dan dikhuatiri bebanan dan rekabentuk bagi perpustakaan adalah tinggi berbanding struktur asal bangunan.</td> </tr> <tr> <td data-bbox="705 958 903 1169">JKR Selangor (elektrik & mekanikal)</td> <td data-bbox="903 958 1378 1169"> <ul style="list-style-type: none"> ➢ Sub-station TNB perlu disediakan, namun tiada ruang yang bersesuaian. ➢ Pemecahan lantai bagi laluan kabel elektrik, ICT dan telefon ➢ Aras siling yang terhad menyebabkan pencahayaan lampu yang tidak optimum dan kipas siling tidak boleh dipasang. </td> </tr> </tbody> </table>	Agensi	Ulasan	JKR Sepang (teknikal)	➢ Bangunan sedia ada berbentuk rumah kedai dan dikhuatiri bebanan dan rekabentuk bagi perpustakaan adalah tinggi berbanding struktur asal bangunan.	JKR Selangor (elektrik & mekanikal)	<ul style="list-style-type: none"> ➢ Sub-station TNB perlu disediakan, namun tiada ruang yang bersesuaian. ➢ Pemecahan lantai bagi laluan kabel elektrik, ICT dan telefon ➢ Aras siling yang terhad menyebabkan pencahayaan lampu yang tidak optimum dan kipas siling tidak boleh dipasang. 				
Agensi	Ulasan											
JKR Sepang (teknikal)	➢ Bangunan sedia ada berbentuk rumah kedai dan dikhuatiri bebanan dan rekabentuk bagi perpustakaan adalah tinggi berbanding struktur asal bangunan.											
JKR Selangor (elektrik & mekanikal)	<ul style="list-style-type: none"> ➢ Sub-station TNB perlu disediakan, namun tiada ruang yang bersesuaian. ➢ Pemecahan lantai bagi laluan kabel elektrik, ICT dan telefon ➢ Aras siling yang terhad menyebabkan pencahayaan lampu yang tidak optimum dan kipas siling tidak boleh dipasang. 											
8.	Ulasan JKR Negeri	JKR Selangor melalui keputusan Mesyuarat Penyelarasan Bil. 2/2016 pada 20 September 2016 telah memberi ulasan teknikal struktur, mekanikal dan elektrik dan ringkasan adalah seperti berikut: <table border="1" data-bbox="705 1402 1378 1626"> <thead> <tr> <th data-bbox="705 1402 903 1433">Perkara</th> <th data-bbox="903 1402 1378 1433">Ulasan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="705 1433 903 1527">Sistem Pencegahan Kebakaran)</td> <td data-bbox="903 1433 1378 1527">Tiada lokasi bersesuaian untuk menempatkan tangki air hose reel & pam hose reel</td> </tr> <tr> <td data-bbox="705 1527 903 1626">Sistem Penyaman Udara</td> <td data-bbox="903 1527 1378 1626">Hanya sistem VRF yang bersesuaian, namun ruang siling terhad untuk <i>fabricating ducted</i> & tiada ruang AHU</td> </tr> </tbody> </table>	Perkara	Ulasan	Sistem Pencegahan Kebakaran)	Tiada lokasi bersesuaian untuk menempatkan tangki air hose reel & pam hose reel	Sistem Penyaman Udara	Hanya sistem VRF yang bersesuaian, namun ruang siling terhad untuk <i>fabricating ducted</i> & tiada ruang AHU				
Perkara	Ulasan											
Sistem Pencegahan Kebakaran)	Tiada lokasi bersesuaian untuk menempatkan tangki air hose reel & pam hose reel											
Sistem Penyaman Udara	Hanya sistem VRF yang bersesuaian, namun ruang siling terhad untuk <i>fabricating ducted</i> & tiada ruang AHU											
9.	Garis Panduan PNM	Berikut adalah spesifikasi standard keluasan bagi kategori perpustakaan yang dikeluarkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia: <table border="1" data-bbox="705 1863 1401 2007"> <thead> <tr> <th data-bbox="705 1863 772 1912" rowspan="2">BIL</th> <th data-bbox="772 1863 1114 1912" rowspan="2">JENIS PERPUSTAKAAN</th> <th colspan="2" data-bbox="1114 1863 1401 1912">CADANGAN KELUASAN</th> </tr> <tr> <th data-bbox="1114 1912 1248 1962">MPS</th> <th data-bbox="1248 1912 1401 1962">KPS</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="705 1962 772 2007">1.</td> <td data-bbox="772 1962 1114 2007">Perpustakaan Negeri</td> <td data-bbox="1114 1962 1248 2007">11,152</td> <td data-bbox="1248 1962 1401 2007">120,000</td> </tr> </tbody> </table>	BIL	JENIS PERPUSTAKAAN	CADANGAN KELUASAN		MPS	KPS	1.	Perpustakaan Negeri	11,152	120,000
BIL	JENIS PERPUSTAKAAN	CADANGAN KELUASAN										
		MPS	KPS									
1.	Perpustakaan Negeri	11,152	120,000									

		<table border="1"> <tbody> <tr> <td>2.</td> <td>Perpustakaan Daerah</td> <td>5,576</td> <td>60,000</td> </tr> <tr> <td>3.</td> <td>Perpustakaan Cawangan</td> <td>2,137</td> <td>23,000</td> </tr> <tr> <td rowspan="3">4.</td> <td>Perpustakaan Pekan/Komuniti A (Bangunan)</td> <td>1,394</td> <td>15,000</td> </tr> <tr> <td>Perpustakaan Pekan/Komuniti A (Rumah Kedai)</td> <td>139-465</td> <td>1,500 – 5,000</td> </tr> <tr> <td>Perpustakaan Pekan/Komuniti A (Pusat Beli Belah)</td> <td>112-139</td> <td>1,204 -1,500</td> </tr> <tr> <td rowspan="3">5.</td> <td>Perpustakaan Desa A</td> <td>139</td> <td>1,500</td> </tr> <tr> <td>Perpustakaan Desa B</td> <td>121</td> <td>1,300</td> </tr> <tr> <td>Perpustakaan Desa C</td> <td>93</td> <td>1,000</td> </tr> </tbody> </table>	2.	Perpustakaan Daerah	5,576	60,000	3.	Perpustakaan Cawangan	2,137	23,000	4.	Perpustakaan Pekan/Komuniti A (Bangunan)	1,394	15,000	Perpustakaan Pekan/Komuniti A (Rumah Kedai)	139-465	1,500 – 5,000	Perpustakaan Pekan/Komuniti A (Pusat Beli Belah)	112-139	1,204 -1,500	5.	Perpustakaan Desa A	139	1,500	Perpustakaan Desa B	121	1,300	Perpustakaan Desa C	93	1,000
2.	Perpustakaan Daerah	5,576	60,000																											
3.	Perpustakaan Cawangan	2,137	23,000																											
4.	Perpustakaan Pekan/Komuniti A (Bangunan)	1,394	15,000																											
	Perpustakaan Pekan/Komuniti A (Rumah Kedai)	139-465	1,500 – 5,000																											
	Perpustakaan Pekan/Komuniti A (Pusat Beli Belah)	112-139	1,204 -1,500																											
5.	Perpustakaan Desa A	139	1,500																											
	Perpustakaan Desa B	121	1,300																											
	Perpustakaan Desa C	93	1,000																											
10.	Maklumat Umum	<ol style="list-style-type: none"> 1. Daerah Sepang adalah satu-satunya daerah di Negeri Selangor yang tidak mempunyai Perpustakaan Daerah 2. Keluasan Daerah Sepang adalah 61,900 hektar, jumlah penduduk menghampiri 600,000 orang, pelbagai Institut Pengajian Tinggi Awam dan Institut Pengajian Tinggi Swasta dan lebih 50 sekolah rendah dan menengah. 3. Berikut adalah perpustakaan yang terdapat di Daerah Sepang: <ol style="list-style-type: none"> 1. Perpustakaan Pekan Sungai Pelek 2. Perpustakaan Desa Kg. Sg. Merab 3. Perpustakaan Desa Jenderam Hilir 4. Perpustakaan Desa Bukit Bangkong 5. Perpustakaan Desa Bagan Lalang. 6. Perpustakaan Desa Kg. Dato' Ahmad Razali 7. Perpustakaan Desa Hulu Chuchoh 																												

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI
(N02 SABAK)**

**TAJUK : KERAJAAN TELAH MEMPERUNTUKAN SEBANYAK RM3.68
JUTA UNTUK IKATAN DESA**

66. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa jumlah pelatih keselamatan yang sudah diberikan latihan?
- b) Daripada 368 kampung, berapa jumlah yang benar-benar berjaya dan senaraikan.

JAWAPAN:

a) dan b)

Kerajaan Negeri memandang serius terhadap keselamatan penduduk di Negeri Selangor terutama penduduk yang tinggal di kawasan kampung. Sehubungan itu, pada tahun 2017 Kerajaan Negeri telah meluluskan pelaksanaan Program Ikatan Desa di Kampung Tradisi dengan peruntukan keseluruhan sebanyak RM3,680,000.00. Peruntukan ini meliputi pelaksanaan kursus dan latihan keselamatan, kecemasan dan memadam kebakaran, serta pemberian peralatan keselamatan kepada Pasukan Ikatan Desa yang dilantik. Untuk makluman, kursus Ikatan Desa telah bermula pada 22 September dan dijangka akan berakhir pada pertengahan bulan November 2017. Setakat 24 Oktober 2017, seramai 910 orang telah menghadiri kursus dan jumlah ini akan bertambah sehingga tamat tarikh kursus.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : PEMBANGUNAN BERCAMPUR KEDIAMAN DAN PERNIAGAAN

67. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kadar cukai tanah dan cukai pintu yang dikenakan berbanding cukai-cukai pembangunan untuk kediaman dan perniagaan?
- b) Berapakah caj tarif bagi bil-bil utiliti bagi pembangunan bercampur?

JAWAPAN:

- a) Kadar cukai tanah yang dikenakan ke atas tanah kategori Kediaman dan Perniagaan yang mula berkuat kuasa di Negeri Selangor pada 01 Januari 2017 adalah merupakan kadar cukai tanah baru selepas pindaan cukai dibuat pada tahun 2016 dan selaras dengan Kaedah Tanah Selangor 2003 (Pindaan 2016).

Kadar cukai tanah yang dikenakan adalah berbeza mengikut daerah dalam Negeri Selangor dengan kadar cukai **bagi Daerah Gombak dan Petaling adalah sama bagi kategori tanah Bandar untuk Kediaman iaitu 32.50 sen per meter persegi**. Manakala untuk **kategori Perniagaan kadar cukai yang dikenakan adalah 330.70 sen per meter persegi**. Bagi **kategori tanah Pekan pula, kadar cukai Kediaman yang dikenakan ialah 21.70 sen per meter persegi dan untuk Perniagaan bagi kategori tanah Pekan di Daerah Gombak dan Petaling kadar cukainya ialah 220.50 sen per meter persegi**. Untuk **kategori tanah Desa atau Mukim pula, kadar cukai Kediaman dan Perniagaan yang dikenakan ialah 20.90 sen per meter persegi dan 212.90 sen per meter persegi**.

Bagi **Daerah Klang, kadar cukai tanah bagi Kediaman untuk kategori tanah Bandar ialah 21.70 sen per meter persegi, kadar Perniagaan pula ialah 330.70 sen per meter persegi**. Untuk **kategori tanah Pekan, kadar cukai Kediaman yang dikenakan ialah 10.90 sen per meter persegi dan untuk Perniagaan kadar cukainya pula 183.70 sen per meter persegi**. Untuk **kategori tanah Desa atau Mukim, kadar cukai bagi Kediaman dan Perniagaan untuk Daerah Klang ialah 10.50 sen per meter persegi dan 177.40 sen per meter persegi**.

Manakala bagi **Daerah Hulu Langat**, kadar cukai tanah yang dikenakan untuk **Kediaman dan Perniagaan** bagi kategori tanah **Bandar** ialah **11.20 sen per meter persegi** dan **114.20 sen per meter persegi**. Untuk kategori tanah **Pekan dan Desa** bagi Daerah Hulu Langat, kadar cukai **Kediaman dan Perniagaan** yang dikenakan adalah pada kadar yang sama iaitu **6.50 sen per meter persegi** bagi **Kediaman** dan **73.50 sen per meter persegi** bagi **Perniagaan**.

Bagi **Daerah Kuala Langat** pula, untuk tanah kategori **Bandar** kadar cukai bagi **Kediaman** ialah **10.90 sen per meter persegi** dan kadar cukai **Perniagaan** ialah **110.30 sen per meter persegi**. Manakala untuk kategori tanah **Pekan**, cukai **Kediaman dan Perniagaan** ialah pada kadar **7.10 sen per meter persegi** dan **73.50 per meter persegi** dan untuk kategori tanah **Desa** bagi Kuala Langat kadar cukai **Kediaman** yang dikenakan adalah pada kadar **6.50 sen per meter persegi** dan **Perniagaan** pada kadar **71.00 sen per meter persegi**.

Untuk **Daerah Sepang**, bagi kategori tanah **Bandar** cukai **Kediaman** yang dikenakan ialah pada kadar **10.80 sen per meter persegi** dan untuk **Perniagaan** adalah pada kadar **110.20 sen per meter persegi**. Bagi kategori tanah **Pekan**, perkadaran cukai tanah yang dikenakan bagi **Kediaman dan Perniagaan** adalah pada kadar **6.50 sen per meter persegi** dan **73.50 sen per meter persegi**. Kadar cukai tanah untuk kategori tanah terakhir bagi Daerah Sepang iaitu tanah **Desa**, kadar cukai yang dikenakan untuk **Kediaman** adalah sebanyak **6.30 sen per meter persegi** dan **71.00 sen per meter persegi** untuk **Perniagaan**.

Di **Daerah Hulu Selangor**, kadar cukai tanah bagi kategori tanah **Bandar** untuk **Kediaman** ialah pada kadar **10.10 sen per meter persegi** dan kadar **Perniagaan** ialah **102.60 sen per meter persegi**. Untuk kadar cukai **Kediaman dan Perniagaan** bagi kategori tanah **Pekan dan Desa** di Daerah Hulu Selangor kadar yang dikenakan adalah sama bagi kedua-dua kategori tanah iaitu **6.10 sen per meter persegi** bagi **Kediaman** dan **68.40 sen per meter persegi** bagi **Perniagaan**.

Untuk dua daerah terakhir di Negeri Selangor iaitu **Daerah Kuala Selangor** dan **Sabak Bernam**, kadar cukai yang dikenakan bagi kategori tanah **Bandar** untuk **Kediaman** ialah pada kadar **8.60 sen per meter persegi** dan **87.40 sen per meter persegi** untuk **Perniagaan**. Bagi status tanah **Pekan** pula, kadar **Kediaman** yang dikenakan ialah **5.00 sen per meter persegi** dan kadar **Perniagaan** pula ialah **55.80 sen per meter persegi**. Untuk kategori tanah **Desa**, kadar cukai bagi **Kediaman** untuk **Daerah Kuala Selangor dan Sabak Bernam** ialah **4.70**

sen per meter persegi dan 53.20 sen per meter persegi bagi Perniagaan.

Untuk makluman YB. sekalian, **perbezaan kadar cukai tanah bagi setiap daerah ini adalah disebabkan faktor** seperti **nilai semasa hartanah itu sendiri yang diperolehi daripada pihak Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH)** yang turut mendorong **semakan semula** kadar cukai negeri ini dilaksanakan.

Selain itu juga, **kadar cukai tanah baru Negeri Selangor** adalah **berdasarkan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Bilangan 5 Tahun 2015 pada 04 Februari 2015** yang **meluluskan cadangan penyemakan kadar cukai tanah Negeri Selangor** yang berkuat kuasa mulai tahun 2017 memandangkan **kali terakhir kadar cukai negeri ini disemak ialah pada tahun 2006**. Penyemakan ini selaras dengan dengan peruntukan di bawah **Seksyen 101 Kanun Tanah Negara** yang memberikan kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk menyemak sewa (Kadar Cukai Tanah) bagi tempoh 10 tahun sekali.

JADUAL 1:
KADAR CUKAI TANAH SEMASA NEGERI SELANGOR MENGIKUT DAERAH
(BERKUATKUASA BERMULA 01 JANUARI 2017)

DAERAH			GOMBAK/ PETALING		KLANG	HULU LANGAT	KUALA LANGAT		SEPANG		HULU SELANGOR	KUALA SELANGOR/ SABAK BERNAM	
			Kadar	Byrn. Min.	Kadar	Kadar	Kadar	Byrn. Min.	Kadar	Byrn. Min.	Kadar	Kadar	Byrn. Min.
BANDAR			sen	RM	sen	RM	sen	RM	sen	RM	RM	sen	RM
KEDIAMAN	Per. M/P		32.50	53.00	21.70	11.20	10.90	49.00	10.80	49.00	10.10	8.60	39.00
PERNIAGAAN			330.70	106.00	330.70	114.20	110.30	97.00	110.20	97.00	102.60	87.40	79.00
PERUSAHAAN		< 2 HA	246.00	175.00	140.60	57.10	52.70	158.00	52.80	158.00	49.00	41.50	129.00
		> 2 HA	273.10	-	145.60	54.60	54.60	-	54.60	-	50.90	43.30	-
PERTANIAN	P/HA		RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
			238.00	-	92.00	76.20	76.20	-	76.20	-	71.00	60.50	-
Getah/ Sawit		> 40 HA	-	-	150.00	150.00	150.00	-	150.00	-	150.00	150.00	-
PEKAN			sen	RM	sen	RM	sen	RM	sen	RM	RM	sen	RM
KEDIAMAN	Per. M/P		21.70	53.00	10.90	6.50	7.10	49.00	6.50	49.00	6.10	5.00	39.00
PERNIAGAAN			220.50	106.00	183.70	73.50	73.50	97.00	73.50	97.00	68.40	55.80	79.00
PERUSAHAAN		< 2 HA	105.50	175.00	63.30	32.80	31.70	158.00	31.70	158.00	29.40	23.80	129.00
		> 2 HA	109.20	-	65.60	33.90	32.80	-	32.80	-	30.50	24.90	-
PERTANIAN	P/HA		RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
			238.00	-	55.20	57.20	57.10	-	57.10	-	53.20	43.40	-
Getah/ Sawit		> 40 HA	-	-	150.00	150.00	150.00	-	150.00	-	150.00	150.00	-
DESA (MUKIM)			sen	RM	sen	RM	sen	RM	sen	RM	RM	sen	RM
KEDIAMAN	Per. M/P		20.90	53.00	10.50	6.50	6.50	48.00	6.30	49.00	6.10	4.70	39.00
PERNIAGAAN			212.90	106.00	177.40	73.50	71.00	96.00	71.00	97.00	68.40	53.20	79.00
PERUSAHAAN		< 2 HA	105.50	140.00	63.30	32.80	30.50	140.00	30.50	140.00	29.40	23.80	140.00
		> 2 HA	109.20	-	65.50	33.90	31.70	-	31.70	-	30.50	24.90	-
PERTANIAN	P/HA		RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Getah/ Sawit/ Kelapa/ Koko		> 5 HA	35.40	-	34.20	35.40	35.40	-	35.40	-	32.90	25.60	-
		< 5 HA	29.00	-	28.00	29.00	29.00	-	29.00	-	27.00	21.10	-
Getah/ Sawit		> 40 HA	150.00	-	150.00	150.00	150.00	-	150.00	-	150.00	150.00	-
Padi/ Nipah/ Sagu			10.40	-	10.10	10.40	10.40	-	10.40	-	9.70	25.60 (padi)	-
Lain-Lain		14.50	-	14.00	14.50	14.50	-	14.50	-	13.50	10.60	-	

Manakala kadar cukai taksiran yang dikenakan di kawasan Majlis Bandaraya Petaling Jaya adalah seperti jadual berikut:

BIL	KAWASAN	JENIS PEGANGAN	KADAR (%)
1	Seksyen 1, 2, 3, Seri Setia, Kampung Baru Damansara (Seksyen 17A), PJS 2,4,6 dan sebahagian PJS 10) (Kawasan Simpanan Melayu dan Membangun)	Kediaman Lain-Lain Pegangan	7.7% 8.8%

BIL	KAWASAN	JENIS PEGANGAN	KADAR (%)
2	Kampung Kayu Ara, Kayu Ara Indah, Kampung Cempaka dan semua kampung tradisional di Petaling Jaya (<i>Kawasan Belum Membangun</i>)	Semua Pegangan	5.5%
3	Petaling Jaya Selatan dan Petaling Jaya Utara	Rumah Kos Rendah Sahaja (bukan bertingkat)	7.7%
4	Sri Damansara, Mayang Mas dan Megah Mas (<i>Diambilalih daripada MDP</i>)	Kediaman/ Tanah Kosong	5.5%
		Lain-lain Pegangan	6.6%
		Kediaman bertingkat	5%
5	Semua Kawasan yang tidak termasuk dalam 1-4 di atas (<i>Kawasan Maju</i>)	Semua Pegangan	8.8%
6	Petaling Jaya Utara	Tanah Pertanian	5.5%
7	Semua Kawasan Petaling Jaya Kediaman Bertingkat	Flat Kos Rendah	5%
		Flat, Apartmen dan Kondominium (kecuali item 4)	6%
		Pangsapuri Servis	6.6%

- b) Majlis Bandaraya Petaling Jaya tiada mengenakan caj bil utiliti dan pengenaan bil utiliti dibuat oleh TNB atau SYABAS bagi pembangunan bercampur.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : UNIVERSITI SELANGOR (UNISEL)

68. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah bentuk penyelesaian pengambilalihan konsesi Syarikat Jana Niaga Sdn. Bhd.?
- b) Berapakah jumlah kewangan yang terlibat dalam proses pengambilalihan tersebut?
- c) Apakah sumber pembiayaan penyelesaian pengambilalihan konsesi tersebut?

JAWAPAN:

- a) Tiada pengambilalihan konsesi berlaku. Kontrak konsesi di antara Universiti Selangor (UNISEL) dengan Syarikat Jana Niaga Sdn Bhd (JNSB) telah ditamatkan oleh UNISEL dan tindakan UNISEL untuk menamatkan kontrak konsesi tersebut telah dipertikaikan kesahannya oleh JNSB.

Bagi menyelesaikan pertikaian tersebut, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) telah meluluskan penyelesaian pertikaian ke atas penamatan perjanjian konsesi pada 7hb Jun 2017 di mana penyelesaian tersebut adalah yang paling efisien dari segi masa, kos dan risiko kepada pihak Kerajaan Negeri dan UNISEL, terutamanya demi menjaga kepentingan para pelajar.

- b) Jumlah penyelesaian pertikaian bagi penamatan perjanjian konsesi di antara UNISEL dengan JNSB adalah sebanyak RM71.7 juta.
- c) Penyelesaian pertikaian ke atas penamatan perjanjian konsesi tersebut adalah ditanggung oleh pihak Kerajaan Negeri dan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG
(N47 PANDAMARAN)**

**TAJUK : STATUS PROJEK PENAIKTARAFAN KUNCI AIR NO. 51 KE PINTU
AIR OTOMATIK DI JALAN PAPAN PANDAMARAN**

69. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sama ada reka bentuk terakhir telah dikemukakan oleh perunding dan juruukur yang telah dilantik pada tahun 2016 dan kini diluluskan oleh JPS?
- b) Sila nyatakan butir-butir dan anggaran kos terkini projek tersebut.
- c) Bila kerja akan dapat dimulakan di tapak?

JAWAPAN:

- a) Reka bentuk akhir telah siap dan dokumen tender telah dikemukakan oleh perunding. Dokumen tender berkenaan dalam semakan Bahagian Perkhidmatan Mekanikal dan Elektrikal JPS Negeri Selangor.
- b) Skop kerja yang akan dilaksanakan adalah menaik taraf *screwdown gate* (saiz 6' x 6') kepada *roller gate* (saiz 12' x 14') dan kerja-kerja berkaitan dengan anggaran kos RM 3 juta dan beroperasi secara automatik berdasarkan paras air.
- c) Kerja dijangka ditender pada bulan November 2017.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN
(N54 TANJUNG SEPAT)**

TAJUK : PROGRAM HIJRAH

70. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah "*benchmark*" Hijrah dalam menilai kejayaan usahawan yang mendapat pinjaman?

JAWAPAN:

- a) Kertas cadangan penyelidikan Keberkesanan Program Hijrah Selangor kepada Kerajaan Negeri telah disediakan dan akan dilaksanakan oleh pihak UNISEL / IDE. Melalui kajian ini, pihak Hijrah Selangor mencadangkan "*benchmark*" kejayaan usahawan mendapat pinjaman adalah seperti berikut :
- I. Kemampuan menyelesaikan bayaran balik pinjaman dalam tempoh yang ditetapkan
 - II. Pinjaman ulangan dengan nilai yang lebih besar
 - III. Peningkatan pendapatan perniagaan
 - IV. Penambahan aset perniagaan / penambahan lain-lain aset
 - V. Perkembangan perniagaan (Penambahan bilangan cawangan perniagaan, francais dan perubahan saiz perniagaan daripada kecil ke besar seperti gerai kepada kedai / restoran)
 - VI. Mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan atau usahawan kecil di bawah bimbingan usahawan sendiri
 - VII. Perkembangan taraf pendidikan dan kesihatan keluarga
 - VIII. Pengembangan perniagaan melalui media sosial dan media elektronik (*Website, Facebook, Instagram* dan lain-lain)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

**TAJUK : INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN TANAH PERKUBURAN
LAMA**

71. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Memandangkan infrastruktur dan kemudahan awam di tanah perkuburan lama tiada dan kadangkala amat uzur, apakah ada usaha untuk menyediakan inventori tentang isu ini?
- b) Apakah langkah perancangan Kerajaan Negeri Selangor dalam memastikan infrastruktur dan kemudahan ini disediakan?
- c) Di bawah tanggungjawab agensi mana?

JAWAPAN:

a), b) dan c)

Inventori bagi tapak perkuburan Negeri Selangor telah disediakan oleh PLANMalaysia@Selangor. Sebarang permohonan kos bagi penyediaan infrastruktur dan kemudahan tanah perkuburan boleh menggunakan Akaun Amanah Perkuburan Negeri Selangor dan dikemukakan melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau Pejabat Daerah dan Tanah (PDT). Merujuk kepada Bahagian XI, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171):

- 1) Seksyen 94 – Pihak Berkuasa Tempatan boleh mengadakan tanah perkuburan dan krematorium dan mengeluarkan lesen untuknya.
- 2) Seksyen 95 – Penalti bagi pengkebumian yang menyalahi undang-undang.
- 3) Seksyen 96 – Kuasa untuk menutup tanah perkuburan dan krematorium.
- 4) Seksyen 97 – Mengeluarkan mayat dari kubur.
- 5) Seksyen 98 – Kuasa untuk membuat undang-undang kecil.
- 6) Seksyen 99 – Menyimpan daftar.
- 7) Seksyen 100 – Undang-undang bertulis lain tidak dipakai.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : IKRAR BEBAS RASUAH (IBR)

72. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah faktor Kerajaan Negeri belum melaksanakan IBR?
- b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan semua EXCO dan penjawat awam bebas dari rasuah?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor merupakan negeri yang paling awal menyatakan kesediaan untuk mendukung Ikrar Bebas Rasuah (IBR). Perkara ini telah dimaklumkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Selangor sewaktu Pengarah SPRM Negeri Selangor membuat kunjungan hormat kepada YAB Dato' Menteri Besar Selangor. Kerajaan Negeri juga tuntas mendukung segala usaha untuk membanteras amalan rasuah di pelbagai peringkat termasuk usaha-usaha yang dilaksanakan oleh SPRM. Namun begitu, Kerajaan Negeri bersama-sama pihak SPRM Negeri Selangor telah mengadakan beberapa siri perbincangan untuk menambah baik dan memuktamadkan kandungan IBR.
- b) Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor telah melaksanakan beberapa mekanisme untuk memastikan semua EXCO dan penjawat awam bebas dari rasuah dengan:
 - i. Mengisi Borang Pengisytiharan Kepentingan setiap kali Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) diadakan;
 - ii. Merakamkan pengisytiharan kepentingan di dalam minit Mesyuarat MMKN bagi kertas-kertas yang melibatkan Ahli MMKN;
 - iii. Menandatangani Ikrar Integriti Korporat (*Corporate Integrity Pledge*) oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Jabatan, Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Daerah/Tanah dan Badan Berkanun Negeri.

Kerajaan Negeri juga sentiasa berusaha untuk memastikan tadbir urus organisasi dan penginstitutionan integriti dilaksanakan secara efisien dalam membendung sebarang bentuk salah laku di kalangan penjawat awam terutamanya yang melibatkan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Dalam mencapai hasrat ini, antara dasar dan inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Negeri melalui Unit Integriti Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, termasuklah:

- i. Mewujudkan hubungan langsung dengan pihak SPRM Negeri Selangor serta pihak Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA) di Ibu Pejabat SPRM dalam mengambil langkah pencegahan serta penguatkuasaan terhadap jenayah salah laku rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa;
- ii. Mewujudkan hubungan langsung dengan Unit Integriti di setiap jabatan/agensi dalam memberikan penerangan berkenaan integriti dan dalam masa yang sama membendung salah laku jenayah serta pelanggaran tata kelakuan dan etika organisasi di kalangan kakitangan masing-masing;
- iii. Mengadakan kursus, seminar, bengkel dan taklimat berhubung tata kelakuan dan salah laku rasuah;
- iv. Mengedarkan risalah-risalah berkaitan tata kelakuan dan salah laku rasuah;
- v. Memberikan komitmen akan turut serta menjayakan Ikrar Bebas Rasuah (IBR) dan mewujudkan inisiatif-inisiatif dalam membendung gejala rasuah; dan
- vi. Menyediakan saluran aduan integriti yang melibatkan penjawat awam melalui emel, talian telefon, faks, surat dan *walk-in* di Unit-unit Integriti yang ditubuhkan bagi memudahkan penyaluran aduan integriti sama ada dari kalangan kakitangan mahu pun orang awam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

**TAJUK : TAHAP KEPUASAN DAN SOKONGAN RAKYAT KEPADA
KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

73. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan sejauh manakah tahap kepuasan dan sokongan rakyat terhadap Kerajaan Negeri Selangor?
- b) Sila nyatakan apakah faktor utama yang mendorong kepuasan dan sokongan rakyat semakin melonjak terhadap Kerajaan Negeri Selangor?
- c) Sila huraikan apakah pendekatan yang proaktif untuk memperkukuhkan kepuasan dan sokongan rakyat terhadap Kerajaan Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan survei terbaru oleh organisasi media Sinar Harian, tahap kepuasan dan sokongan rakyat terhadap Dato' Menteri Besar, Yang Amat Berhormat Bukit Antarabangsa menunjukkan tahap kepuasan dan sokongan rakyat Negeri Selangor berada pada paras 55 peratus. Hasil kaji selidik itu dilakukan Sinar Harian terhadap 550 responden di seluruh Negeri Selangor, di mana 301 daripadanya mahu Kerajaan Negeri sedia ada dikekalkan. Tinjauan Sinar Harian berkenaan diterbitkan akhbar itu pada 28 September 2017.

Tinjauan Institut Darul Ehsan atau IDE pula pada Februari lalu membabitkan 2,018 responden di 56 Kawasan Dewan Undangan Negeri mendapati, sokongan rakyat Selangor kepada Kerajaan Negeri adalah sebanyak 62 peratus, manakala tinjauan IDE terbaru pada Ogos lalu membabitkan lebih 4,000 rakyat di 130 kawasan Parlimen di Semenanjung Malaysia mendapati, 49 peratus responden menganggap prestasi Kerajaan Negeri Selangor pimpinan Yang Amat Berhormat Bukit Antarabangsa adalah cemerlang.

Satu lagi tinjauan oleh Merdeka Centre for Opinion Research yang diterbitkan pada Jun 2016 memperoleh hasil bahawa 65 peratus daripada 1,011 rakyat di 56 Kawasan Dewan Undangan Negeri Selangor berpuas hati dengan pentadbiran Yang Amat Berhormat Bukit Antarabangsa.

Berdasarkan tinjauan oleh organisasi media Sinar Harian, badan pemikir berkaitan Kerajaan Negeri dan badan pemikir bebas sejak tahun lalu, tahap kepuasan dan sokongan rakyat terhadap Kerajaan Negeri Selangor adalah konsisten pada paras antara 50 peratus ke 70 peratus. Hasil

tinjauan berkenaan tepat dan memberikan gambaran sebenar sokongan rakyat terhadap Kerajaan Negeri Selangor berikutan respondennya membabitkan lelaki dan perempuan, semua kaum, semua kelas pendapatan, semua Kawasan Dewan Undangan Negeri yang terdiri daripada kawasan urban, semi urban dan luar bandar.

- b) Berdasarkan tinjauan-tinjauan yang dilakukan itu, boleh dirumuskan faktor utama yang mendorong kepuasan dan sokongan rakyat melonjak terhadap Kerajaan Negeri Selangor adalah disebabkan keyakinan rakyat bahawa Yang Amat Berhormat mampu membawa kestabilan pentadbiran dan mempertahankan kedaulatan Negeri Selangor walaupun diserang dan diasak oleh pimpinan UMNO Barisan Nasional yang menerajui Putrajaya. Rata-rata rakyat, khususnya pengundi teruja akan kemampuan pimpinan Negeri Selangor mengekalkan kestabilan dan bekerjasama padu melaksanakan program Peduli Rakyat yang membantu mengangkat martabat rakyat serta meringankan beban harian mereka akibat dasar Putrajaya yang menindas anak Selangor, menerusi GST dan cukai lain yang mendera.

Keberkesanan program Peduli Rakyat, terutama yang berimpak tinggi seperti perkhidmatan percuma Bas Smart Selangor, Skim Peduli Sihat, Skim Peduli Siswa, Air Percuma, pengecualian cukai pintu penduduk kampung dan fi lesen perniagaan, Skim HIJRAH Selangor, Skim Mesra Usia Emas, TAWAS, Skim DanaSel, Skim Smart-Sewa dan program lain turut mendorong melonjakkan sokongan rakyat Selangor kepada pimpinan Kerajaan Negeri. Kemurahan hati Kerajaan Negeri membela penjawat awam negeri juga meningkatkan sokongan kepada Kerajaan Negeri Selangor.

Amnya, tahap keberkesanan Peduli Rakyat ini bukan sahaja mendorong melonjakkan sokongan rakyat kepada Kerajaan Negeri Selangor, malah mendorong Putrajaya yang diketuai Dato' Sri Najib Razak MENCEBOK, MEMPLAGIAT DAN MENIRU dasar Kerajaan Negeri ketika pembentangan Bajet Persekutuan 2018 dengan harapan beliau akan memperoleh sokongan rakyat yang semakin hari semakin menjauhi beliau.

Tidak dilupakan, dasar Putrajaya yang menindas seperti pelaksanaan GST, duti eksais melampau, kegagalan menangani inflasi, kemerosotan nilai ringgit, sikap mewah berbelanja pemimpin Persekutuan, urus tadbir yang lemah seperti yang ditunjukkan dalam pengagihan Bajet Persekutuan 2018 telah menambahkan lagi kebencian dan rasa tidak puas hati rakyat kepada Kerajaan Persekutuan, sekali gus membawa perbandingan kepemimpinan antara Perdana Menteri dengan Dato' Menteri Besar Selangor. Akibatnya, sokongan kepada Kerajaan Negeri Selangor bertambah kukuh, dan pada masa sama sokongan kepada Kerajaan Persekutuan, terutama di Selangor bertambah sangat tidak popular.

- c) Hasil dapatan tinjauan-tinjauan ini digunakan bagi mengukur sokongan rakyat terhadap dasar dan program Kerajaan Negeri, rakyat jelas mahukan Kerajaan Negeri prihatin dengan kesusahan mereka akibat dasar Putrajaya yang menindas. Justeru, Kerajaan Negeri akan meneruskan semua program Peduli Rakyat dan menambahbaik pelaksanaannya dari semasa ke semasa. Kerajaan Negeri tidak mudah berpuas hati dengan usaha yang dilakukan setakat ini. Kerajaan Negeri akan sentiasa mencari jalan memberi perkhidmatan dan penyampaian yang terbaik kepada anak Selangor. Kerajaan Negeri juga tuntas memberdaya golongan yang memerlukan perhatian, khasnya golongan berpendapatan rendah supaya mereka dapat keluar daripada edaran celaka atau vicious cycle, sekaligus memperbaiki taraf hidup mereka. Kepemimpinan Kerajaan Negeri turut sedar bahawa politik kaum memainkan peranan besar dalam membentuk persepsi serta kestabilan negeri, maka pimpinan Negeri Selangor komited mempertahankan kedaulatan Istana Selangor, kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain dan menjunjung agama Islam serta kebebasan penganut agama lain beribadah. Semua perkara yang disebutkan tadi adalah pendekatan-pendekatan Kerajaan Negeri dalam menguruskan Selangor supaya negeri ini menjadi model masa depan Malaysia apabila berlaku perubahan kepemimpinan di Putrajaya kelak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)**

TAJUK : TUMPUAN SUKAN BELIA

74. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah jenis sukan atau aktiviti kesukanan yang paling diminati belia/ beliawanis ketika ini?
- b) Adakah kajian yang dibuat oleh kerajaan mengenai kecenderungan kesukanan belia dalam negeri? Apa hasilnya?
- c) Jelaskan tindakan kerajaan menangani gejala sosial secara holistik, aktiviti positif seperti sukan?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan trend masa kini, pihak Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Sukan Negeri Selangor mengamati bahawa jenis sukan atau aktiviti kesukanan yang paling diminati oleh belia dan beliawanis ketika ini adalah seperti sukan-sukan yang bersifat santai seperti berbasikal, larian, permotoran, futsal dan bola sepak padang.

Pihak Majlis mendapati bahawa sukan-sukan yang disebutkan ini mempunyai peminat atau pengikutnya yang sentiasa mengikuti perkembangan dan menyertai aktiviti yang dianjurkan biarpun ianya bersifat santai seperti *fun ride* dan *fun run*. Manakala bagi sukan-sukan seperti bola sepak, futsal, dan permotoran, jika dilihat kebanyakan padang-padang bola, gelanggang-gelanggang futsal dan badminton sentiasa dipenuhi oleh golongan-golongan belia atau beliawanis yang bermain pada waktu petang dan malam.

- b) Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Selangor buat masa ini tiada kajian yang spesifik berkenaan kecenderungan kesukanan belia dalam negeri. Pihak Majlis akan mempertimbangkan kajian tentang kecenderungan ini di masa akan datang.
- c) Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Selangor sentiasa membuat program yang berteraskan kesukanan kerana ianya merupakan salah satu kaedah untuk menangani permasalahan gejala sosial pada masa kini.

Pelbagai program kesukanan telah dirancang sepanjang tahun melalui Pembangunan Generasi Muda untuk menarik minat golongan belia khususnya untuk bersama-sama terlibat dalam program sukan yang diadakan.

Antara program tahunan yang dijalankan adalah Pesta Sukan Gen-S iaitu melibatkan beberapa sukan yang dipertandingkan seperti bola keranjang, futsal, bola jaring dan sepak takraw. Dengan adanya penganjuran pesta sukan ini, ianya dapat membantu golongan remaja untuk berkecimpung dalam sukan-sukan ini di peringkat komuniti masing-masing.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

TAJUK : PROGRAM PENINGKATAN HASIL PADI

75. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah Kerajaan untuk terus meningkatkan hasil padi Selangor?
- b) Berapa peruntukan untuk melaksanakan program ini?
- c) Sejauh mana pelaksanaan '*rice check*' dilaksanakan oleh petani untuk meningkatkan hasil padi.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Selangor melalui Jabatan Pertanian berterusan menjalankan program peningkatan hasil padi. Antara program yang dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian adalah menjalankan program pengapuran bagi memperbaiki nilai pH tanah, memberi bantuan tanaman secara *transplanter*, baja dan racun kimia, memberi bantuan dan menggalakkan penggunaan bahan-bahan mesra alam seperti baja *natural farming* dan menggalakkan petani mengamalkan amalan pertanian baik.
- b) Setiap tahun Jabatan Pertanian memperuntukan sejumlah RM 2.2 juta melalui peruntukan pembangunan dan RM 1.2 juta daripada peruntukan mengurus bagi tujuan ini.
- c) Secara umumnya, petani di Selangor mengamalkan 10 elemen dalam *Rice Check* bagi menguruskan sawah padi mereka. Jabatan Pertanian sentiasa turun padang dan memastikan petani diberi latihan dan pemahaman yang cukup berkenaan amalan *Rice Check* ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(N07 BATANG KALI)**

TAJUK : PELABURAN TEMPATAN

76. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah prestasi pelaburan tempatan untuk Negeri Selangor?
- b) Apakah bidang-bidang pelaburan yang diberi penumpuan?

JAWAPAN:

- a) Bagi tempoh Januari hingga Jun 2017 sebanyak **87 projek perkilangan** telah diluluskan di Negeri Selangor dengan **jumlah modal pelaburan** sebanyak **RM 1,705,855,394**. Daripada jumlah tersebut sebanyak **RM 870,837,572 (51%)** adalah daripada **pelaburan tempatan**.
- b) Sealiran dengan perancangan untuk menjadikan Negeri Selangor sebagai negeri maju dan menarik pelaburan dalam industri berteknologi tinggi, Kerajaan Negeri memberi tumpuan kepada 5 sektor industri utama iaitu;-
 - Elektrik & Elektronik (*Electrical & Electronics*)
 - Peralatan Pengangkutan / (*Transport Equipments*)
 - Sains Hayat / (*Life Sciences*)
 - Makanan / (*Food Industries*)
 - Mesin dan Peralatan / (*Machinery & Equipments*)

Daripada beberapa sektor industri utama tersebut, beberapa bidang industri tumpuan telah dikenal pasti berpotensi untuk berkembang di negeri Selangor seperti;-

- *E - Commerce*
- Bio - Teknologi
- Aero - Angkasa
- Industri Halal

Industri-industri ini semakin berkembang dan mendapat tempat selari dengan arus perkembangan ekonomi dunia yang kini lebih menjurus kepada perniagaan secara e-dagang, sains hayat, bio teknologi serta aero angkasa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : *BIKE-SHARING*

77. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini perangkaan garis panduan pelaksanaan *bike-sharing* yang ditugaskan kepada MPSJ memandangkan syarikat-syarikat seperti *Obike*, *Ubike* dan *Mobike* telah bercadang untuk mengembangkan skop perniagaan mereka di seluruh Selangor?

JAWAPAN:

- a) Garis panduan pelaksanaan Bike-Sharing telah disediakan dan disyaratkan kepada pihak syarikat Obike Sdn.Bhd. Untuk memastikan keberkesanan garis panduan ini, pilot projek telah dilaksanakan di kawasan SS15 Subang Jaya. Pilot Projek ini masih di dalam tempoh percubaan sehingga November 2017 sebelum perkhidmatan bike-sharing boleh dilaksanakan di seluruh Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL
(N29 SERI SERDANG)**

**TAJUK : BILANGAN *HOT SPOT WIFI* SELANGOR YANG TELAH
BEROPERASI DENGAN SEBAIKNYA DI BAWAH DUN SERI
SERDANG**

78. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah bilangan *hot spot wifi* Selangor yang telah beroperasi dengan sebaiknya di bawah DUN Seri Serdang?

JAWAPAN:

- a) Terdapat sebanyak 79 *hotspot WiFi* Smart Selangor di kawasan DUN Seri Serdang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)**

TAJUK : PELAN TINDAKAN BENCANA ALAM SELANGOR

79. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah jenis bencana alam yang dihadapi oleh Negeri Selangor dengan perubahan iklim dan cuaca yang ketara dalam beberapa tahun ini?
- b) Apakah Pelan Tindakan Menghadapi Bencana Alam Selangor untuk 10 tahun akan datang?

JAWAPAN:

- a) Jenis bencana alam yang dihadapi oleh Negeri Selangor adalah seperti berikut:
 - i) Banjir
 - ii) Banjir Kilat
 - iii) Ribut
 - iv) Kebakaran Hutan Simpan dan Tanah Gambut
 - v) Tanah Runtuh
- b) Berikut adalah Pelan Tindakan Menghadapi Bencana Alam melalui *Smart Disaster Management* di bawah inisiatif *Smart Selangor* dengan kerjasama *Smart Selangor Delivery Unit* (SSDU) – Menteri Besar (Pemerbadanan) serta Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) adalah seperti berikut:
 - i) Pelaksanaan *Smart Selangor Command Centre* (SSCC) oleh Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor melalui kerjasama *Smart Selangor Delivery Unit* (SSDU) dan Menteri Besar (Pemerbadanan) yang memantau parameter dan petunjuk cuaca.
 - ii) Pemantauan Satelit dgn kerjasama Agensi *Remote Sensing Malaysia* (ARSM).
 - iii) Sistem GEOSMART dengan kerjasama Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN).
 - iv) Pemantauan udara melalui *Unmanned Aerial Vehicle* (UAV) secara berkala di kawasan berisiko bencana.

- v) Pelaksanaan sistem Peta Bahaya Risiko Cerun (PBRC) dan NatSIS dengan kerjasama Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia kepada Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor dan Pihak Berkuasa Tempatan bertanah tinggi melalui teknologi LiDAR dan Satelit.
- vi) Pelaksanaan *Working Group* bagi menilai risiko dan merangka pelan tindakan jangka pendek dan jangka panjang berdasarkan penilaian risiko, analisis data dan parameter cuaca.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELOK DATOK)**

**TAJUK : TABUNG PEMULIHAN PROJEK TERBENGKALAI (TEPAT)
SELANGOR**

80. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila menyatakan nama, lokasi dan kos perbelanjaan telah menggunakan Tabung TEPAT untuk memulihkan Projek Perumahan Terbengkalai.
- b) Sila menyenaraikan Projek Perumahan Terbengkalai di setiap PBT.
- c) Nyatakan punca utama kegagalan Pemaju Perumahan menyiapkan Projek serta tindakan diambil terhadap pemaju.

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM 20 juta di dalam Tabung Pemulihan Projek Terbengkalai (TEPAT) bagi membantu memulihkan projek terbengkalai di Selangor. Terdapat 2 projek terbengkalai yang telah dikenalpasti untuk dipulihkan dibawah TEPAT iaitu Projek Pembesaran Kampung Desa Mawar, Kuala Selangor dengan peruntukan berjumlah RM 6,360,000.00 juta dan Projek Pangsapuri Kos Rendah Rimau Indah, Shah Alam berjumlah RM 13 juta. Sehingga kini, Projek Pembesaran Kampung Desa Mawar sedang dalam proses pemulihan dan dijangka siap pada 28 Mac 2018 dan Projek Pangsapuri Rimau Indah sedang dalam proses kajian pemulihan.
- b) Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga Jun 2017 terdapat 105 projek perumahan terbengkalai di Selangor dengan jumlah unit sebanyak 23,374 unit. Senarai projek terbengkalai seperti di Lampiran A.
- c) Untuk makluman Yang Berhormat, faktor utama yang menyebabkan projek perumahan terbengkalai tidak dapat diselesaikan adalah disebabkan beberapa faktor seperti berikut :

i) Viabiliti Projek

Projek yang tidak '*viable*' mengakibatkan sesebuah projek terbengkalai. Keadaan ini berlaku disebabkan di mana sesetengah pemaju tidak menjalankan Kajian Kemungkinan (*Feasibility Study*) yang menyeluruh atau kesilapan terhadap kajian kemungkinan

yang dijalankan terhadap suatu projek sebelum pelaburan dibuat. Kesan akibat kesilapan kajian kemungkinan menyebabkan kos infrastruktur meningkat tinggi dan seterusnya peningkatan kos pembinaan yang mendadak sehingga menjejaskan kewangan kontraktor terbabit

Lokasi projek juga merupakan salah satu pertimbangan utama pembeli dalam membeli rumah. Lokasi tidak bersesuaian menyebabkan pasaran terjejas. Ini berpunca daripada kurangnya kajian pasaran dibuat sebelum projek perumahan dimulakan. Keadaan ini akan menjejaskan kedudukan kewangan atau modal pemaju dalam memajukan projek tersebut. Akhirnya, pemaju berkenaan melepaskan tangan kerana ketidakanggupan dalam meneruskan projek di samping bebanan kewangan yang ditanggung.

ii) Kurang Pengalaman dan Kedudukan Kewangan yang Tidak Kukuh.

Berdasarkan kepada kes-kes projek terbengkalai di Negeri Selangor terdapat banyak projek terbengkalai dimiliki oleh pemaju yang kurang berpengalaman dan sumber kewangan yang tidak kukuh. Kedudukan kewangan yang lemah menyebabkan pemaju tidak mampu untuk meneruskan projek sekiranya berlaku pertambahan kos dalam masa projek dijalankan.

iii) Pengurusan

Pengurusan yang lemah terutamanya pengurusan kewangan turut menyumbang kepada faktor terbengkalainya sesebuah projek perumahan. Kesilapan dalam pengiraan kos projek akan membebankan dan merugikan pihak pemaju. Contohnya, kos sebenar projek berlipat ganda daripada anggarkan sebelum pelaksanaan projek. Selain itu, harga jualan unit rumah yang tidak sesuai atau terlalu tinggi akan menyebabkan unit-unit rumah tidak terjual kerana jurang kuasa beli pembeli yang besar.

Selain itu, strategi pemasaran yang lemah juga antara faktor projek perumahan terbengkalai. Keadaan ini disebabkan sumber kewangan yang diperolehi terhad daripada sejumlah kecil pembeli rumah dan '*bridging loan*' yang membebankan pemaju. Bagi sesetengah projek perumahan, kesilapan pemilihan kontraktor yang dijalankan secara tender akan menyebabkan projek tersebut terbengkalai dan mengalami kesulitan untuk diteruskan semula.

iv) Agensi Kewangan

Kos pembelian tanah yang tinggi serta faedah '*bridging loan*' yang meningkat mengikut keadaan ekonomi semasa turut membebankan pemaju-pemaju yang tidak berpengalaman dan tidak mempunyai sumber kewangan yang kukuh. Tambahan pula, pemaju yang mengalami masalah '*bridging loan*' lazimnya akan menampung kos projek melalui '*progress payment*' yang diperolehi dari bank. Sekiranya berlaku masalah ke atas projek yang dibangunkan, pembiayaan akan terhenti dan ini akan mengganggu aliran tunai pemaju.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah mengambil tindakan ke atas pemaju bermasalah dengan mendapatkan nama-nama Ahli Lembaga Pengarah tersebut daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk disenaraihitamkan dan diedarkan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan turut dipaparkan dalam laman web Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS). Melalui sistem pendaftaran pemaju (SPEM) di LPHS, pemaju diwajibkan berdaftar sekiranya ingin menjalankan pembangunan perumahan dalam tempoh 30 hari dari tarikh Kebenaran Merancang diluluskan oleh PBT. Sekiranya dikenalpasti nama-nama pemaju terlibat telah disenaraihitamkan maka pemaju tersebut tidak akan dibenarkan untuk melaksanakan apa-apa pembangunan di Negeri Selangor termasuk membuat permohonan untuk pembangunan tanah walaupun mereka hanya berperanan sebagai salah seorang pemilik syer sahaja di bawah nama syarikat pemaju lain.